

Bimbang tragedi tanah runtuh berulang

■ SYAIRI S. AARI

TAMAN MELAWATI - Penduduk Jalan N1, Taman Melawati bimbang projek perumahan berdekatan sedang dijalankan, di sini, akan mengganggu ekosistem alam semula jadi.

Penduduk bimbang kejadian seperti yang berlaku di Bukit Antarabangsa akhir tahun lalu akan berlaku sekali lagi sekiranya projek-projek cerun 35 darjah ini tidak diambil peduli.

Mereka mendakwa, kawasan projek yang dibangunkan merupakan empangan dan kawasan tadahan air yang sepatutnya tidak boleh diganggu untuk melakukan sebarang pembangunan.

Menurut penduduk, Fatimah Muhamad Kunju, dia membeli rumah di situ kira-kira tujuh tahun lalu dan kecewa dengan apa yang berlaku sekarang apabila pemandangan hijau kini bertukar wajah apabila bukit te-

lah ditarah.

Menurutnya, sewaktu projek ini dibangunkan, penduduk langsung tidak mengetahui apakah yang berlaku kerana tiada notis atau makluman dari manamana pihak berhubung projek itu.

“Apa yang lebih memeranjatkan apabila dirujuk kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), kedudukan rumah kami tiada dalam pelan MPAJ dan bagaimana MPAJ boleh meluluskan projek tanpa meninjau kawasan ini,” katanya.

Kata Fatimah, apa yang lebih mengecewakan lagi, tanah bukit yang digondol telah dialihkan untuk dijadikan tambak berdekatan sungai dan akibatnya sungai itu telah dilencongkan ke kawasan lain.

“Undang-undang mana yang membenarkan sungai boleh dialihkan sesuka hati dan perkara ini sudah saya maklumkan kepada pihak berkuasa teta-

S.H 10/1/09 M/S 5
pi mereka senyap tiada tindakan.

“Ini ditambah pula apabila pemaju mendirikan sebuah jejantas yang tinggi melebihi paras rumah di sini dan soalnya adalah keselamatan penduduk terutamanya Apartmen Hillside yang bimbang akan kedudukan jejantas membahayakan penghuni,” kata Fatimah lagi.

Bagi Mohd Ghazali Muda, kejadian di Bukit Antarabangsa tidak pernah dijadikan pengajaran walaupun Perdana Menteri telah mengarahkan projek bercerun yang berisiko tinggi dihentikan.

“Kini penduduk tidak tahu kepada siapakah yang hendak diajukan perkara ini jika arahan kerajaan pun mereka tidak peduli.

“Apakah semata-mata untuk mencari keuntungan, kawasan yang tinggi direndahkan manakala kawasan yang rendah pula ditinggikan. Jikalau projek dibenarkan sekalipun, mengapa



Ghazali (kanan) menunjukkan kawasan yang ditambah manakala Ahmad (kiri) menunjukkan jejantas yang dibina bersebelahan pagar rumah.

kawasan ini ditebang sepenuhnya sedangkan mereka boleh membuat landskap bagi menyelamatkan alam semula jadi,” kata Ghazali

Dia berkata lagi, kerajaan pernah mengumumkan bahawa

Hulu Kelang antara 15 kawasan yang mempunyai cerun tinggi dan berisiko tinggi untuk melakukan pembangunan dan mengenal pasti kawasan Parlimen Ampang Jaya dan Gombak serta daerah di Selangor antara yang

berisiko.

Sementara itu, **Sinar Harian** menghubungi pihak MPAJ bagi mendapatkan maklum balas namun difahamkan pihak Majlis akan memberikan reaksinya dalam masa terdekat.